



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SESI *WALKABOUT* FESTIVAL KRAF PANTAI TIMUR 2025

KUANTAN 31 MEI 2025 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) hari ini mengadakan Sesi *Walkabout* bersempena Festival Kraf Pantai Timur 2025 bermula 22 Mei hingga 3 Jun 2025 mulai jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di Pusat Beli Belah East Coast Mall, Kuantan, Pahang.

Sesi ini disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Turut hadir Yang Berbahagia Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia.

Festival Kraf Pantai Timur 2025 merupakan platform kepada usahawan kraf untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf kepada masyarakat tempatan serta pelancong. Selain itu, festival ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap produk kraf beridentiti Malaysia.

Bagi memperkasakan lagi penganjuran festival pada tahun ini, Kraftangan Malaysia mengetengahkan Aktiviti Padanan Perniagaan atau Business to Business (B2B) melalui pertemuan dan penyertaan syarikat korporat serta kumpulan pemain industri. Melalui sesi padanan ini, para pembeli dapat melihat secara langsung dan membuat tempahan produk kraf daripada usahawan kraf yang menyertai festival ini serta memudahkan untuk berunding secara terus.

Sempena sesi ini, tetamu kehormat turut menyantuni usahawan kraf yang terlibat untuk aktiviti Jualan Kraf, Demonstrasi Kraf dan Interaktif Kraf. Seramai 74 orang usahawan kraf terlibat dengan mengetengahkan bidang kraf tekstil, hasil rimba, logam dan aneka kraf.

Hadir sama pada sesi ini ialah Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri. Turut hadir, Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Kraftangan Malaysia, Encik Juhari bin Azmi, Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang serta Ahli-ahli Pengurusan Kraftangan Malaysia. **-TAMAT-**